

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

YUP 405/4 - Perhubungan Awam

Jawab **EMPAT** (4) soalan.

1. Kemajuan dalam bidang teknologi yang lebih canggih memungkinkan pengamal PR memberi tumpuan dan perkhidmatan kepada publiknya dengan lebih khusus dengan harapan supaya sasaran publik ini dapat mengubah pendirian atau untuk menggerakkan sesuatu 'pendapat umum' dengan lebih mudah. Nyatakan empat faktor asas yang perlu ada pada seorang pengamal PR apabila dia cuba menjalankan proses komunikasi ini.

(25 markah)

2. Anda telah didedahkan kepada beberapa bidang PR yang diamalkan oleh sesuatu organisasi tertentu seperti 'PR Kerajaan', 'PR Industri', 'PR Perniagaan', 'PR Politik', 'PR Perunding' dan sebagainya. Huraikan apakah perbezaan antara bidang-bidang di atas.

(25 markah)

3. Proses komunikasi dan tindakan yang bersesuaian tepat pada masa dan sasaran publik PR adalah menjadi teras kegiatan PR. Proses komunikasi dilihat sebagai katalis atau mangkin perubahan. Dengan menggunakan contoh tertentu bagaimanakah pengamatan teori-teori seperti two step flow, concentric circle theory, penyebaran maklumat, barriers and distortion dan semantik dapat membantu pengamal dalam mengendalikan kegiatan PR.

(25 markah)

4. Kepakaran dalam mendapatkan maklumat yang lengkap menjadi kemestian sebelum sesuatu strategi dan tindakan PR dapat dilaksanakan. Nyatakan LIMA faedah yang dapat dimanfaatkan daripada proses di atas.

(25 markah)

...2/-

-2-

(YUP 405)

5. Bincangkan strategi dan prosedur pelan bertindak yang telah anda pelajari, untuk mengatasi krisis yang telah berlaku yang telah mengakibatkan sesuatu tragedi.

(25 markah)

-oooOooo-